

Kuala Lumpur bandar raya kesembilan di dunia paling banyak dikunjungi pelancong pada 2013

Kosmo
6/2/2015
M/S 18

Sasar 15 juta pelancong

KUALA LUMPUR – Kuala Lumpur berada pada kedudukan kesembilan daripada 100 buah bandar raya paling megah di dunia dari segi ketibaan pelancong antarabangsa oleh Monitor International dalam ranking tahunannya, *Top City Destinations 2013*.

Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, laporan itu menyatakan 11.2 juta pelancong antarabangsa telah melawat Kuala Lumpur pada tahun 2013 sekali gus mencerminkan kedudukan penting Kuala Lumpur dalam pelancongan global bagi urusan perniagaan dan hiburan.

“Di bawah Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur 2015-2025, salah satu daripada langkah utama yang perlu dilaksanakan ialah memasarkan Kuala Lumpur secara bersepadu serta menyediakan akses yang lebih baik kepada penggiat industri dan pelancong maklumat tentang bandar raya ini,” katanya ketika melancarkan surat berita elektronik, *Hello KL* di sini semalam.

Katanya, surat berita itu merupakan kaedah berguna dan berkesan untuk menyampaikan maklumat mengenai perkembangan terkini berkaitan pelancongan di Kuala Lumpur.

“Kami menjangkakan boleh mencapai 15 juta ketibaan pelancong pada tahun ini, 10.1 juta daripadanya pelan-



AHMAD PHEMAL melancarkan surat berita elektronik, *Hello KL* sambil diperhatikan Pengurus Besar Traders Hotel Kuala Lumpur, Chistian Nannucci (kanan) di Kuala Lumpur semalam.

cong luar negara manakala 4.9 juta pelancong tempatan,” katanya.

Katanya, pelancong yang berkunjung ke Kuala Lumpur dipelawa memuat naik gambar selfie masing-mas-

ing yang berlatarbelakangkan lokasi terkenal di bandar raya ini dengan disertakan hashtag #IAMKL pada laman sosial Facebook, Twitter dan Instagram.